

<b>Headline</b>	<b>Sambutan Hebat Bengkel Keli</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Date</b>	<b>11. Jul 2008</b>	<b>Page No</b>	<b>4</b>
<b>Media Title</b>	<b>Utusan Malaysia</b>	<b>Article Size</b>	<b>288 cm<sup>2</sup></b>
<b>Section</b>	<b>Supplement</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Circulation</b>	<b>238082</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Readership</b>	<b>833287</b>		



# Sambutan hebat bengkel keli

**B**ENGKEL Usahawan Ikan MEGA-Utusan bersama Pusat Pengembangan, Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC) Universiti Putra Malaysia (UPM), AgroBank dan Active Surge Sdn. Bhd (ASSB) akan bermula esok sehingga Isnin ini.

Bengkel tersebut yang mendapat sambutan luar biasa daripada pembaca *Utusan Malaysia* akan diadakan di Institut Latihan Pembangunan Agrobank (Abadi) untuk pembelajaran teori, manakala latihan praktikal diadakan di premis ASSB di Taman Desa Subang, Selangor.

Peserta yang telah terpilih diminta mendaftar di Abadi antara puluk 7.30 dan 8 pagi esok dan membawa pakaian sesuai untuk latihan amali sepanjang bengkel tiga hari itu.

Antara kandungan program bengkel



ialah kaedah penternakan ikan keli dalam kanvas, prospek industri akuakultur tempatan, perbincangan mengenai rancangan perniagaan dan cara menyediakan kertas kerja projek.

Penganjur cuma mengehadkan kepada 70 orang sahaja pada bengkel kali ini bagi membolehkan setiap peserta mendalamai teknik dan cara-ca-ra yang betul sebagai pengusaha ikan.

Penganjur juga ingin memohon maaf kerana terpaksa menolak permohonan

kira-kira 200 peserta yang mana wang pos mereka telah dihantar dan akan dikembalikan.

## Penyertaan ditutup

Oleh kerana bilangan penyertaan yang dihadkan, pihak penganjur bercadang mengadakan siri seterusnya bagi memberi peluang kepada mereka yang tidak dapat diterima penyertaannya pada siri pertama ini.

Penganjur akan memaklumkan dari semasa ke semasa mengenai tarikh baru yang akan disiarkan di sisipan akhbar ini kelak.

**BENGKEL** ikan keli akan turut memberi peluang peserta mempelajari teknik pembenihan.

